



**PENDAFTARAN TANAH WAKAF DALAM KONTEKS KANUN TANAH  
NEGARA 1965 (AKTA 56): SATU KAJIAN PELAKSANAAN  
DI TERENGGANU**

**[REGISTRATION OF WAQF LAND IN THE CONTEXT OF THE NATIONAL  
LAND ACT 1965 (ACT 56): AN IMPLEMENTATION STUDY IN STATE  
TERENGGANU]**

MOHD RIDZUAN MOHAMAD<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Jalan Sultan  
Mohamad, 20519 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA

\*Corresponding Author: [duan\\_shi@yahoo.com](mailto:duan_shi@yahoo.com)

*Received: 28 July 2023 | Accepted: 28 August 2023 | Published: 3 October 2023*

**Abstrak**

Pendaftaran tanah wakaf merupakan salah elemen penting yang ada di peringkat Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Ini kerana kedudukan wakaf telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Wakaf serta Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri. Namun, dalam konteks pendaftaran tanah wakaf, masih terdapat kekeliruan bagi setiap pemohon yang hendak mewakafkan tanah khususnya berlaku di Terengganu iaitu mereka mengangap pendaftaran tanah wakaf tidak mempunyai hubung kait dengan perundangan sivil khususnya Kanun Tanah Negara 1965. Justeru, kajian ini akan menjelaskan tentang kedudukan pendaftaran tanah wakaf di Terengganu melalui pendekatan kajian kualitatif. Reka bentuk kajian ini pula dilaksanakan secara penerokaan terhadap data yang diperoleh secara primer dan sekunder. Data primer meliputi maklumat yang diperoleh secara temu bual daripada pihak informan iaitu pegawai wakaf Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Kaedah analisis kajian ini pula dilaksanakan secara analisis kandungan. Dapatan kajian mendapati terdapat tiga kaedah pendaftaran tanah wakaf yang dilaksanakan di MAIDAM iaitu pertama kaedah pindah milik (Borang 14 A) di bawah seksyen 214 Kanun Tanah Negara 1965, kedua kaedah perletakhakan berkanun di bawah seksyen 416C dan kaedah perintah Mahkamah Syariah di bawah seksyen 420A. Berdasarkan data wakaf bagi tahun 2018 hingga 2020, sebanyak 88% tanah wakaf didaftarkan

melalui kaedah pertama, manakala 6% didaftarkan melalui kaedah kedua dan 6% pula didaftarkan melalui kaedah ketiga.

**Kata kunci:** Tanah Wakaf, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Enakmen Wakaf Terengganu 2016, Pendaftaran Tanah dan Kanun Tanah Negara 1965.

### **Abstract**

Registration of waqf land is one of the important elements at the State Islamic Religious Council (MAIN). This is because the position of waqf has been enshrined in the Federal Constitution and the Waqf Enactment as well as the State Islamic Affairs Administration Enactment. However, in the context of waqf land registration, there is still confusion for every applicant who wants to donate land, especially in Terengganu. That is, they consider the registration of waqf land to be unrelated to civil law, especially the National Land Code 1965. Thus, this study will explain the status of waqf land registration in Terengganu through a qualitative research approach. The design of this study is carried out in an exploratory manner on the data obtained in primary and secondary. The primary data includes information obtained through interviews from the informants who are waqf officials of the Terengganu Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIDAM). The analysis method of this study is carried out through content analysis. The findings of the study found that there are three waqf land registration methods implemented in MAIDAM, namely the first transfer method (Borang 14 A) under section 214 of the National Land Code 1965, the second statutory vesting method under section 416C and the Syariah Court order method under section 420A. Based on waqf data for the years 2018 to 2020, there is 88% of waqf land is registered through the first method, while 6% is registered through the second method and 6% is registered through the third method.

**Keywords:** Land Waqf, Terengganu Council of Islamic Religion and Malay Customs (MAIDAM), Terengganu Waqf Enactment 2016, Land Registration and National Land Code 1965.

Cite as: Mohd Ridzuan Mohamad. (2023). Pendaftaran Tanah Wakaf dalam Konteks Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56): Satu Kajian Pelaksanaan di Terengganu [Registration of Waqf Land in The Context of The National Land Act 1965 (Act 56): An Implementation Study in State Terengganu]. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 2(2), 1-9.

### **PENGENALAN**

Pendaftaran tanah wakaf merupakan salah satu pelaksanaan utama yang ada di peringkat Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk membolehkan tanah wakaf sah mengikut undang-undang. Ini kerana MAIN adalah pemegang amanah segala tadbir urus wakaf sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan ‘Senarai Negeri’ Jadual Kesembilan. Di peringkat negeri, perundangan wakaf telah dikuatkuasakan di dalam enakmen wakaf dan enakmen pentadbiran hal ehwal Islam

negeri-negeri. Lima buah negeri sahaja yang mempunyai enakmen wakaf iaitu Terengganu, Selangor, Melaka, Perak dan Negeri Sembilan. Pelaksanaan pendaftaran wakaf telah termaktub dalam Enakmen Wakaf Terengganu 2016 secara terperinci berbanding enakmen wakaf yang lain sebagaimana dinyatakan di bawah Seksyen 5 (4) iaitu

(4) Jika perletakhakan tersebut melibatkan mana-mana tanah bermilik atau apa-apa bahagian dalam mana-mana tanah bermilik, Pendaftar, selepas menerima permohonan secara bertulis dari pihak Majlis tentang perletakhakan tersebut hendaklah melaksanakan peruntukan-peruntukan dalam seksyen 416C Kanun Tanah Negara dan perkataan ‘wakaf’ hendaklah diendorskan dalam hak milik tersebut’

(5) Bagi maksud subseksyen (4) tafsiran perkataan “Pendaftar” adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 5 dalam Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965]’

Pelaksanaan pendaftaran wakaf turut dilaksanakan melalui beberapa kaedah yang termaktub di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) walaupun tidak dinyatakan di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri atau Enakmen Wakaf Negeri. Antaranya melalui kaedah pindah milik tanah di bawah seksyen 214, kaedah perletakhakan berkanun di bawah Seksyen 416 C, kaedah penyerahan balik sebahagian tanah di bawah seksyen 200 dan kaedah penyerahan balik keseluruhan tanah di bawah seksyen 197 (Sayuti Ab Ghani, 2012).

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Borang Ikrar Wakaf merupakan salah satu dokumen sokongan bagi proses pendaftaran tanah wakaf di MAIDAM. Merujuk kepada *Standard of Procedure* (SOP) bahawa setelah pemohon mengisi ‘Borang Ikrar Wakaf’ maka pihak pengurusan MAIDAM akan menyiasat tapak atau tanah yang hendak diwakaf seterusnya membuat laporan untuk dipertimbangkan sama ada diterima atau tidak. Sekiranya diterima maka langkah seterusnya melibatkan pelaksanaan proses ‘Borang 14 A’ di pejabat tanah sehingga selesai dikeluarkan geran tanah (Yacoob Abdullah, 2020). Berdasarkan pemerhatian terhadap enakmen wakaf Terengganu serta temu bual dijalankan di MAIDAM, pihak informan memaklumkan bahawa terdapat beberapa kekeliruan dalam kalangan masyarakat bahawa pendaftaran tanah wakaf tidak mempunyai hubung kait dengan perundangan tanah iaitu Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) dan ia memadai didaftarkan melalui ‘Borang Ikrar Wakaf’ yang disediakan oleh pihak MAIDAM. Mengikut rekod yang ada, hampir 50% pemohon yang hendak mewakafkan tanah beranggapan tersebut (Roseli Yusoff, 2020).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini akan memfokuskan secara mendalam tentang pendaftaran tanah wakaf di negeri Terengganu di bawah pengendalian Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) serta beberapa kaedah pelaksanaan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) sehingga hasil yang diperolehi dapat merungkai kekeliruan yang ada dalam kalangan masyarakat.

## **SKOP KAJIAN**

Skop kajian ini hanya tertumpu kepada kaedah pendaftaran wakaf di Terengganu iaitu di bawah kendalian pihak MAIDAM. Justifikasi skop kajian ini adalah kerana di Terengganu telah mempunyai enakmen wakaf terbaharu berbanding dengan negeri yang lain serta dinyatakan pelaksanaan pendaftaran secara khusus berbanding enakmen negeri yang lain iaitu Perak, Melaka, Selangor dan Negeri Sembilan. Selain itu, sampel kajian pula hanya memfokuskan bagi tanah wakaf di Terengganu pada tahun 2018 hingga 2020.

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif manakala pendekatan pula dilakukan secara teknik penerokaan. Data-data yang diperolehi adalah sama ada data sekunder seperti segala bahan bertulis mengenai pendaftaran tanah wakaf di MAIDAM dan juga data primer yang diperolehi secara temu bual di lapangan. Data yang diperolehi akan dianalisis secara teknik penganalisisan kandungan. Dalam kajian ini, temu bual dilaksanakan secara semi struktur terhadap beberapa informan di MAIDAM. Para informan adalah melibatkan teknik pensampelan bertujuan, ini kerana pensampelan bertujuan adalah untuk soalan temu bual dijawab dengan tepat walaupun jumlah melibatkan jumlah yang kecil (Othman Lebar, 2006). Berdasarkan struktur pengurusan wakaf di MAIDAM, dua orang informan yang dipilih untuk proses temu bual iaitu Yacoob Abdullah sebagai Pegawai Wakaf dan Roseli Yusoff sebagai Penolong Pegawai Tanah.

## **SOROTAN KAJIAN**

Sorotan kajian merupakan suatu perkara penting untuk menentukan ke arah lebih jelas terhadap kajian baharu yang dilaksanakan (Rasid Mail & Raman Noordin, 2012). Kajian tentang pendaftaran tanah wakaf dalam konteks Kanun Tanah Negara 1965 telah ditemui beberapa pengkaji sebelum ini. Pertama, kajian oleh Sayuti Ab Ghani (2012) menjelaskan beberapa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) telah melaksanakan pendaftaran tanah wakaf melalui kaedah yang termaktub

dalam Kanun Tanah Negara 1965. Antaranya iaitu kaedah pindah milik tanah di bawah seksyen 214, kaedah perletakhakan berkanun di bawah Seksyen 416C, kaedah penyerahan balik sebahagian tanah di bawah seksyen 200 dan kaedah penyerahan balik keseluruhan tanah di bawah seksyen 197. Selain itu, kajian tersebut telah menyentuh isu wakaf secara lisan iaitu tanah wakaf tidak didaftarkan di bawah penjagaan MAIN dan status hak milik tanah masih di atas pemilik yang telah meninggal dunia. Dalam konteks ini, tanah tersebut tidak boleh didaftarkan kerana tiada dokumen atau bukti yang lengkap bagi mendaftarkan semula sebagai tanah wakaf seperti ‘Borang Ikrar Wakaf’, Surat Akuan dan sebagainya (Sayuti Ab Ghani, 2012).

Pada tahun 2009, JAWHAR telah mengeluarkan buku panduan bagi pengurusan wakaf dan salah satu perkara yang dibincangkan adalah pendaftaran tanah wakaf. Dua kaedah pendaftaran tanah wakaf yang dijelaskan iaitu pertama kaedah pindah milik tanah di bawah seksyen 214 dan kedua kaedah perletakhakan berkanun di bawah seksyen 416C. kedua kaedah ini telah dilaksanakan di peringkat MAIN (JAWHAR, 2009).

Berdasarkan sorotan kajian di atas, penelitian pendaftaran tanah wakaf di Terengganu masih tidak tertumpu secara mendalam. Justeru, kajian ini akan meneliti sepenuhnya terhadap kaedah-kaedah pendaftaran dalam konteks Kanun Tanah Negara 1965 serta beberapa kaedah yang lain.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) mempunyai tanah wakaf secara keseluruhan adalah sebanyak 775 lot. Ini melibatkan kesemua jenis tanah wakaf yang direkodkan iaitu tanah wakaf am, tanah wakaf tapak masjid, tanah wakaf tapak surau, tanah wakaf tapak perkuburan Islam, tanah wakaf zuriat dan tanah wakaf manfaat. Secara terperinci maklumat tanah wakaf di Terengganu sebagaimana jadual di bawah:

**Jadual 1:** Data Tanah Wakaf di Terengganu

| Jenis Wakaf            | Bilangan Tanah Wakaf (lot) |
|------------------------|----------------------------|
| Wakaf Am               | 220 lot                    |
| Tapak Masjid           | 52 lot                     |
| Tapak Surau            | 117 lot                    |
| Tapak Perkuburan Islam | 81 lot                     |
| Wakaf Zuriat           | 27 lot                     |
| Wakaf Manfaat          | 278 lot                    |
| Jumlah                 | 775 lot                    |

Sumber: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (2020)

Tanah-tanah wakaf di atas telah didaftarkan dengan beberapa kaedah. Pertama kaedah pindah milik (Borang 14A) di bawah seksyen 214, kedua kaedah perletakhakan berkanun di bawah seksyen 416C dan ketiga kaedah perintah Mahkamah Syariah di bawah seksyen 421A. Manakala kaedah penyerahan tanah di bawah seksyen 197 dan 200 pula, pihak MAIDAM tidak menggunakan kaedah tersebut kerana tidak ditetapkan di bawah *Standard of Procedure* (SOP) bagi pendaftaran wakaf. Kaedah pindah milik tanah merupakan kaedah utama di MAIDAM, ia dilaksanakan sejak sekian lama dan berterusan hingga sekarang. Namun demikian, pindah milik tanah mempunyai beberapa sekatan atau halangan di bawah seksyen 214 (1) (a) iaitu pindah milik tanah mestilah melibatkan keseluruhan bahagian atau menghabisi bahagian pemilik tanah. Namun demikian, sejak kebelakangan ini, terdapat beberapa permohonan yang hendak mewakafkan tanah tidak menghabisi bahagiannya dan dalam keadaan tersebut tanahnya adalah berstatus 'pertanian'. Sekiranya tanah tersebut berstatus 'pertanian' pindah milik tanah mestilah mempunyai keluasan 2/5 hektar dan jika kurang daripada keluasan tersebut maka ianya tidak boleh dipindah milik di bawah seksyen 214 (Roseli Yusoff, 2020).

Pihak MAIDAM juga melaksanakan kaedah pendaftaran tanah wakaf melalui kaedah perletakhakan berkanun di bawah seksyen 416C. Berdasarkan rekod tanah wakaf bagi tahun 2018 hingga 2020, hanya dua lot tanah wakaf sahaja yang didaftarkan melalui kaedah perletakhakan. Ini kerana, pelaksanaan pendaftaran tersebut masih tidak digunakan sepenuhnya di peringkat pejabat tanah. Hanya dua daerah yang melaksanakan dan mendaftarkan tanah wakaf melalui kaedah perletakhakan iaitu Daerah Marang dan Setiu. Manakala daerah yang lain masih dalam proses pelaksanaan iaitu Daerah Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Besut, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman (Yaacob Abdullah, 2020).

Bagi kaedah penyerahan tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965 Seksyen 197 dan 200 pula, pihak MAIDAM tidak melaksanakan kerana tanah berkenaan akan menjadi sebagai tanah rizab dan diwartakan di bawah seksyen 62. Susulan ini, pada 17 Januari 2018 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu (MMKN) telah membuat keputusan bahawa tanah rizab kerajaan di bawah seksyen 62 perlu dibatalkan pewartaannya seterusnya di beri milik kepada pihak MAIDAM sebagai tanah wakaf. Dalam konteks ini, pelaksanaan di bawah seksyen 197 dan 200 tidak diperlukan (Yaacob Abdullah, 2020).

Di negeri Terengganu juga, ia merupakan antara negeri yang melaksanakan pendaftaran tanah wakaf melalui kaedah perintah Mahkamah Syariah di bawah seksyen 421A dan ini tidak dilaksanakan kebanyakan negeri yang lain. Pada tahun 2018, satu lot tanah wakaf telah didaftarkan melalui kaedah ini iaitu lot 60039 GM 2056 Mukim Cabang Tiga. Manakala tahun 2019 pula, satu

lot lagi didaftarkan iaitu lot 281 Geran 5061 Mukim Pekan Kampung Raja, Besut. Pendaftaran melalui kaedah ini amat jarang digunakan kecuali tanah tersebut mempunyai beberapa permasalahan. Kedua tanah ini tidak boleh dilakukan secara pindah milik melalui Borang 14 A kerana pemilik asal tanah tersebut telah meninggal dunia sebelum kemerdekaan lagi manakala nombor kad pengenalan pula tidak tercatat dalam geran tanahnya. Seterusnya pihak waris membawa perkara ini ke Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu untuk proses pendaftaran dan akhirnya ia berjaya didaftarkan sebagai tanah wakaf (Roseli Yusoff, 2020). Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa terhadap pendaftaran mana-mana tanah sebagaimana termaktub di dalam Kanun Tanah Negara 1965 mengikut seksyen 420A. Dalam konteks ini juga, permasalahan wakaf adalah termasuk di bawah urusan hal ehwal Islam sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Senarai Negeri di bawah Jadual Kesembilan. Selain itu, Mahkamah Syariah mempunyai hubungan penting terhadap penyelesaian wakaf sebagai mengikut tafsiran di bawah Enakmen Wakaf Negeri Terengganu 2016 Seksyen 2 (1):

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 [En. Tr. 3/2001];

Berdasarkan rekod pendaftaran tanah wakaf di negeri Terengganu iaitu bagi tahun 2018 hingga 2020 adalah sebagaimana berikut:

#### **Jadual 2:** Pendaftaran Tanah Wakaf di Terengganu (2018-2020)

| Kaedah Pendaftaran                                    | Tanah Wakaf (lot) |
|-------------------------------------------------------|-------------------|
| Pindah Milik Tanah di bawah Seksyen 214 (Borang 14 A) | 30 lot            |
| Perletakhakan Tanah di bawah Seksyen 416C             | 2 lot             |
| Perintah Mahkamah Syariah di bawah Seksyen 420A       | 2 lot             |
| Serahan Keseluruhan Tanah di bawah Seksyen 197        | tiada             |
| Serahan Sebahagian Tanah di bawah Seksyen 200         | tiada             |
| Jumlah                                                | 34 lot            |

Sumber: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (2020)

Merujuk data di atas bagi pendaftaran tanah wakaf mempunyai kedudukan peratusan pula sebagaimana berikut:

**Rajah 1:** Peratusan Pendaftaran Tanah Wakaf MAIDAM

Serahan Tanah  
(Seksyen 200)

Perletakhakan  
Berkanun

Rajah 1 di atas menunjukkan bahawa kaedah pendaftaran melalui kaedah pindah milik (Borang 14A) adalah paling banyak digunakan iaitu 88% bersamaan 30 permohonan bagi tahun 2018 hingga 2020. Manakala kaedah perletakhakan berkanun dan perintah mahkamah jumlahnya sama iaitu sebanyak 6% dengan persamaan 2 permohonan, bagi kaedah serahan tanah di bawah seksyen 197 dan 200 pula tidak dilaksanakan.

## **KESEMPULAN**

Pendaftaran tanah wakaf merupakan perkara penting yang perlu difahami oleh pihak masyarakat. Ini kerana pelaksanaan wakaf telah lama diamalkan di negara ini sejak belum kemerdekaan lagi, melalui peranan pendaftaran tanah yang betul mengikut kaedah yang ditetapkan dalam perundangan, ia memberi implikasi positif terhadap tanah wakaf yang bersifat kekal atau lestari. Sebelum ini banyak tanah wakaf tidak dilaksanakan pendaftaran secara betul seperti wakaf lisan sehingga tanah tersebut hilang sifat kekalnya kerana tanah tersebut didaftarkan di atas nama pemilik waris dan harta tersebut menjadi status harta pusaka kepada pemilik tanah berkenaan. Perkara banyak berlaku sebagaimana dimaklumkan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri serta berlaku juga di MAIDAM. Namun demikian, setelah mengkaji secara mendalam tentang pelaksanaan tanah wakaf mengikut perundangan yang ada khususnya di Terengganu, pelbagai bentuk kaedah yang dilaksanakan. Ini adalah bertujuan kedudukan tanah wakaf dapat mencapai kelestarian yang sebenar.

## **RUJUKAN**



Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016

Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji 'JAWHAR' (2009), *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*, Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd, ed 2.

Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji 'JAWHAR' (2010) '*Manual Pengurusan Perletakhakan Tanah Wakaf*' Purtajaya: JAWHAR, ed 1.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (2017) '*Kanun Tanah Negara 1965 / Akta 56*' ed. 1, Selangor: Golden Books Centre Sdn Bhd.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (2012) '*Perlembagaan Persekutuan*' ed.1. Selangor: International Law Book Services.

Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) (2018) '*Laporan Tahunan MAIDAM 2017*'. Kuala Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu, ed 1.

Ridzuan Mohamad, Mohd Yusoff, Z., & Nordin, N. (2020). [THE IMPLEMENTATION OF DESCENDANT WAQF IN TERENGGANU] PELAKSANAAN WAKAF ZURIAT DI TERENGGANU. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 4(1), 107-114.

Ridzuan Mohamad., Mohd Yusoff, Z., & Nordin, N. (2020). Dokumentasi Tanah Wakaf di Negeri Terengganu Sebelum Kemerdekaan dan Implikasinya Terhadap Keputusan Jawatankuasa Fatwa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 81 - 88.

Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusoff, & Nadhirah Nordin. (2021). Pelaksanaan Istibdāl Bagi Tanah-Tanah Wakaf Di Malaysia: Kajian Perbandingan Antara Hukum Syarak Dengan Perundangan Sivil. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(2), 307–331.

Ab Ghani, S., Mohamed, H. A. B., Mohamad, M. H., & Ghani, B. A. (2012). Isu pendaftaran tanah wakaf dan kanun tanah negara 1965. *Jurnal Intelek*, 7(1), 38-45.

Yacoob Abdullah sebagai Penolong Kanan Setiausaha Wakaf dan Sumber (2020, November 10) Tajuk Temubual: *Pendaftaran Tanah Wakaf Dalam Konteks Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56): Satu Kajian Pelaksanaan Di Terengganu*.